

# Tun M sedia berdepan siasatan jenayah

Bekas PM dakwa hasil laporan bersifat politik mahu musnah imej

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad sedia berdepan sebarang siasatan jenayah susulan hasil Laporan Suruhanjaya Siasat Diraja (RCI) bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

Bekas Perdana Menteri itu mendakwa, hasil laporan RCI berkenaan adalah bersifat politik untuk memusnahkan imejnya kerana hanya beliau seorang yang dipertanggungjawabkan.

Beliau juga sekali lagi menegaskan keputusan berhubung Batu Puteh dibuat secara bersama oleh Kabinet ketika itu.

“Jika ada sebarang siasatan (jenayah) ke atas saya, saya bersedia. Ya, ini adalah tindakan bermotifkan politik.

“Keseluruhan idea adalah untuk memusnahkan saya dan memanggil saya pengkhianat.

“Jika ini adalah pengkhianatan, maka seluruh anggota Kabinet (ketika itu) adalah pengkhianat, termasuk Timbalan Perdana Menteri,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Yang turut hadir, dua peguamnya, Zainur Zakaria dan Muhammad Rafique Rashid Ali.


Laporan RCI Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan yang diedarkan untuk Ahli Parlimen di Dewan Rakyat minggu lalu, antara lain mengesyorkan siasatan jenayah boleh dimulakan terhadap Dr Mahathir.

Prosiding dicadangkan itu susulan Malaysia kehilangan Batu Puteh kepada Singapura selepas Jemaah Menteri yang diketuai Dr Mahathir pada 2018 menarik balik permohonan membatalkan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).



Dr Mahathir bersama Rafique pada sidang media di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula dilaporkan menyifatkan sebarang kesalahan dalam soal menyerahkan kedaulatan termasuk terkait isu Pulau Batu Puteh, adalah pengkhianatan besar kepada negara.

Tanpa merujuk kepada Dr Mahathir, Perdana Menteri berkata, pendedahan RCI berkaitan perkara itu jelas menunjukkan wu-

jud kelemahan dan ia bukan perkara ringan.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir menyatakan keputusan untuk tidak meneruskan semakan dan tafsiran berkaitan Batu Puteh dibuat oleh Kabinet dan perkara itu boleh dirujuk pada minit mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Mei 2018.

“Kalau tidak percaya, sila bertanya kepada mereka yang hadir

pada mesyuarat Kabinet (ketika itu). Saya juga ingin bertanya, pada masa keputusan ini dibuat mengapa Datuk Seri Mohamad Sabu, Anthony Loke, Gobind Singh Deo dan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad tidak berkata apa-apa?

“Adakah mereka bersetuju seperti mereka bersetuju Kabinet Anwar teruskan dengan RCI dan bentang di Parlimen laporan RCI ini,” katanya.

Dalam pada itu, Dr Mahathir berkata, beliau menolak hasil laporan RCI terbabit kerana terdapat banyak kecacatan.

“Saya ingin bertanya dahulu rahsia, sekarang terbuka. Siapa yang bersetuju untuk ia dibuka? Kalau ini sudah dibuka dan bukan lagi ‘rahsia’, maka mengapa kerajaan bantah permohonan saya di mahkamah untuk adakan RCI secara terbuka?

“Laporan ini juga akan dibahaskan, tetapi bagaimana hendak bahas sekiranya 47 daripada 217 muka surat dipadam (*redacted*)?”

“Bagaimana rakyat melalui wakil rakyat hendak bahas atau tanya soalan kalau ada muka surat laporan dipadam?” soalnya.